



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026 “MUZIUM MENYATUKAN DUNIA YANG TERPISAH” BERJAYA TARIK 157,237 PENGUNJUNG

JOHOR BAHRU - 29 JUN Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (**FHMAPK**) 2026 melabuhkan tirainya dengan penuh gemilang menerusi **Majlis Makan Malam Penutup** yang berlangsung di **Convention Hall, Berjaya Waterfront Hotel, Johor Bahru** sebagai acara kemuncak kepada penganjuran festival yang telah berlangsung dari **24 hingga 28 Jun 2026** di **Padang Akasia, Angsana Mall**.

Majlis penutup ini disempurnakan oleh **YBhg. Datuk Mohamad Azhan bin Md. Amir (Pengurusan) Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara**, mewakili YBhg. Dato' Ketua Setiausaha Kementerian. Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026 yang membawa tema **"Muzium Menyatukan Dunia Yang Terpisah"** ini merupakan platform tahunan yang menghimpunkan institusi permuziuman, agensi kerajaan, institusi pendidikan serta pelbagai organisasi dalam usaha memperkukuh pemeliharaan dan pemuliharaan warisan negara, di samping menggalakkan perkongsian ilmu, penyelidikan dan kerjasama dalam bidang permuziuman. Penganjuran seumpama ini turut memperlihatkan semangat kebersamaan institusi muzium negara dalam membangunkan dan menggerakkan ekosistem serta tadbir urus amalan permuziuman yang holistik, bersepadu dan mampan.

Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026 telah berjaya menarik sejumlah 157,237 pengunjung sepanjang penganjuran selama 5 hari. Festival yang telah menghimpunkan **34 gerai pameran** yang melibatkan penyertaan daripada **pempamer persekutuan, pempamer negeri, institusi dan penyertaan antarabangsa** ini turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian seperti pameran, bengkel, *Fun Walk* Teluk Belanga, Meh La Ke Pontian, Jerayawara Warisan, demonstrasi, aktiviti interaktif, persembahan kebudayaan, serta program pendidikan yang berjaya menarik penyertaan dan kunjungan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur.

Antara keistimewaan Majlis Makan Malam Penutup Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan ini termasuklah penyampaian **Anugerah Khas Permuziuman** sebagai pengiktirafan kepada 3 individu yang telah banyak berjasa dalam dunia permuziuman atas sumbangan, komitmen dan dedikasi mereka dalam memperkasa serta memartabatkan sektor permuziuman negara. Majlis ini turut menyaksikan **penyerahan rasmi bendera Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan (FHMAPK)** kepada **Negeri Terengganu** sebagai simbolik kesinambungan penganjuran festival pada tahun 2027.

Jabatan Muzium Malaysia
Kementerian Perpaduan Negara
29 Jun 2026
JMM.100-9/1/7 (33)